

Tidak perlu guna kekerasan diam pengkritik: Dr M

BH 17 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Kamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak perlu menggunakan cara kekerasan atau menggunakan undang-undang tertentu bagi mendiamkan pengkritiknya.

Dr Mahathir berkata, ini kerana beliau mempunyai majoriti tiga perempat sokongan di Parlimen selain mengadakan pilihan raya yang adil.

Malah, beliau berkata, kerajaan pimpinannya pernah kalah dan dua daripada negeri di Malaysia diperintah pembangkang.

"Jadi kami tidak perlu menggunakan kekerasan. Pengkritik akan mengatak apa saja kerana mereka adalah pengkritik.

"Saya tidak mengharapkan pihak media dan pertu-

buan bukan kerajaan (NGO) memuji saya. Sebaliknya saya lebih yakin dengan rakyat Malaysia.

"Saya sudah melalui lima pilihan raya dan tidak menghadapi masalah untuk dipilih semula.

"Sesetengah pihak mungkin menganggap Malaysia tidak bertamadun tetapi kami menjunjung keaulatan undang-undang dan mengambil tindakan berdasarkannya. Saya mempunyai tanggungjawab terhadap negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan Q&A CNN International yang disiarkan saluran berita CNN menerusi Astro malam ini.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Washington DC, bermula Selasa lalu, ber-

temu Presiden George W Bush di Rumah Putih kelmarin.

Dr Mahathir juga menemui pemimpin tertinggi Amerika termasuk Naib Presiden Dick Cheney, anggota Kongres dan Senator Amerika Syarikat di sini pada hari Selasa.

Perdana Menteri ditanya pengacara rancangan, Zain Vergee mengenai kritikan pihak tertentu terhadap pentadbirannya selama 21 tahun, terutama penggunaan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pembatigkarig.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak kisah mengenai pelbagai kritikan yang dilemparkan kerana tindakan yang diambil bertujuan membendung kegiatan yang boleh menggu-

gat keamanan negara.

"Malah ketika saya menjadi Perdana Menteri, seramai 800 tahanan ISA termasuk yang ditahan Perdana Menteri terdahulu dibebaskan," katanya

Mengenai dakwaan bahawa Malaysia menjadi pusat merancang serangan 11 September, Perdana Menteri berpendapat serangan itu tidak dirancang di Malaysia.

"Siasatan yang dilakukan mendapati mereka yang ditahan bercadang menjatuhkan kerajaan secara kekerasan," katanya sambil menambah, kehadiran beberapa individu yang dikatakan terbabit dalam serangan 11 September hanya kebetulan.

Malah, Dr Mahathir berkata, golongan sama juga mengadakan pertemuan di

Switzerland dan beliau difahamkan mereka dilatih selama kira-kira setahun di Amerika Syarikat.

Mengenai hasil lawatannya ke Amerika Syarikat, beliau berkata, pandangannya terhadap negara

itu juga berubah selaras perubahan pandangan Amerika terhadap Malaysia.

Ditanya sama ada beliau mengetahui bahawa sebuah laman web yang memaparkan maklumat

mengenai al-Qaeda mempunyai dua hos di Malaysia, Perdana Menteri berkata, adalah sukar bagi kerajaan mengesan pihak yang menyebarkan maklumat menerusi Internet.